



**SIARAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)**

**PANDUAN SOLAT JEMAAH, SOLAT JUMAAT, SOLAT JENAZAH
SERTA AKTIVITI KEAGAMAAN
DI MASJID DAN SURAU DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD),
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
DAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah dipersembahkan perkembangan yang berlaku sejak dua sesi solat Jumaat yang lalu, menimbangkan sembah cadangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak untuk menambah bilangan yang dibenarkan bersolat jemaah, berlandaskan nasihat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak serta pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan (MKN) Negeri Perak, dengan ini menzahirkan titah perkenan berikut:

1. Membolehkan Solat Jumaat didirikan di semua masjid dan surau, termasuk surau-surau dalam kem tentera dan polis, bangunan pejabat, institusi, universiti, maktab, sekolah, syarikat dan kilang agar lebih ramai jemaah berpeluang menunaikan Solat Jumaat.
2. Had maksimum ditambah kepada **120 orang jemaah** dalam sesebuah masjid atau surau bagi solat Jumaat, solat fardu dan solat jenazah (tidak termasuk ahli jawatankuasa dan pegawai masjid atau surau).
3. **Masjid Negeri (Masjid Sultan Idris Shah), Masjid Sultan Azlan Shah Ipoh serta Masjid Ubudiah Kuala Kangsar dan masjid-masjid utama di daerah-daerah**, dibenarkan menerima had **maksimum 250 orang jemaah**.
4. Masjid dan surau yang terletak dalam kawasan **Kem Tentera dan Polis**, dibenarkan menerima **maksimum 250 orang jemaah**, seboleh-bolehnya diutamakan dan **dibatasi kepada para anggota yang tinggal dalam kawasan kem berkaitan**.
5. Masjid dan surau yang terletak dalam **kampus Universiti, Maktab, Kolej dan Politeknik**, dibenarkan menerima **maksimum 250 orang jemaah**, seboleh-bolehnya diutamakan dan **dibatasi kepada warga kampus**.
6. Berpandukan **Garis Panduan Operasi (SOP) MKN dan KKM**, **TIDAK DIBENARKAN** aktiviti sosial dan keagamaan diadakan di masjid dan surau dalam kawasan yang diisytiharkan berada dalam kategori **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**. Dengan itu semua aktiviti agama termasuk mendirikan Solat Jumaat dan Solat Jemaah **TIDAK DIBENARKAN** di masjid dan surau dalam kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan **PKPD**.

7. Aktiviti agama berunsur ilmu dibenarkan diadakan di masjid dan surau dalam ruang waktu antara selesai Solat Maghrib sementara menantikan masuknya waktu Solat Isyak. Aktiviti hendaklah dihentikan sebaik masuk waktu Solat Isyak.
8. Kuliah ilmu tidak melebihi 20 minit, dibenarkan untuk dianjurkan kepada jemaah yang berada dalam surau dan masjid sementara menanti azan solat Jumaat.
9. Tidak dibenarkan sebarang acara jamuan dalam masjid dan surau termasuk di perkarangan masjid dan surau.
- 10. Memperketat syarat-syarat jarak fizikal antara jemaah terutama aliran jemaah masuk dan keluar masjid dan surau. Untuk memastikan jarak fizikal diamalkan dan untuk mengelak kesesakan yang diperhatikan sering berlaku ketika jemaah mencari kasut selepas selesai menunaikan solat, para jemaah dinasihatkan membawa beg menyimpan kasut yang membolehkan jemaah membawa kasut ke dalam masjid dan surau.**
11. Jemaah yang dibenarkan terbatas kepada warganegara Malaysia lelaki dalam lingkungan usia 16 tahun hingga 70 tahun.
12. Jabatan Agama Islam Perak bertanggungjawab mengeluarkan garis panduan lengkap kepada semua ahli jawatankuasa serta pegawai masjid dan surau, di samping bertanggungjawab memantau pematuhan garis panduan.

Ketetapan ini terpakai dan berkuat kuasa 10 Februari 2021 sehingga dikeluarkan apa-apa ketetapan baharu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan memahami hasrat umat Islam mahu mengimarahkan rumah-rumah ALLAH dan beribadah secara berjemaah. Dalam memenuhi hasrat tersebut, Baginda perlu mengutamakan faktor keselamatan kesihatan para jemaah serta menimbangkan tugas berat yang sedang dihadapi oleh para petugas Kementerian Kesihatan menangani wabak Covid-19 ketika ini. Perkenan Baginda untuk menambah atau mengurangkan bilangan jemaah tertakluk kepada status semasa penularan wabak Covid-19 di negeri Perak Darul Ridzuan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan menzahirkan titah nasihat agar semua masjid dan surau menganjurkan solat sunat hajat secara harian, memohon ihsan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar bencana kesihatan yang sedang melanda dunia ketika ini berjaya dibendung dan kehidupan insan dapat kembali normal.

Dikeluarkan dengan menjunjung titah perkenan
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan



Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

27 Jamadilakhir 1442H / 9 Februari 2021.